

**PM minta pegganas letak senjata, serah diri tanpa syarat**  
**Utusan Online**  
**07 Mac, 2013**

LAHAD DATU 7 Mac - Datuk Seri Najib Tun Razak sebentar tadi mahu kumpulan pegganas Sulu segera meletakkan senjata dan menyerah diri tanpa sebarang syarat.

ada masa yang sama, Perdana Menteri berkata, Op Daulat yang masuk hari ketiga hari ini akan diteruskan.

Beliau juga mengumumkan pewujudan kawasan keselamatan khas merangkumi pantai timur Sabah dari Kudat ke Tawau bagi mengawal keselamatan penduduk negeri itu.

Perdana Menteri berkata demikian dalam sidang akhbar selepas meninjau pelaksanaan Op Daulat dengan lebih dekat di sini hari ini. - UTUSAN

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source: [http://www.utusan.com.my/utusan/Dalam\\_Negeri/20130307/dn\\_45/PM-minta-pegganas-letak-senjata-serah-diri-tanpa-syarat](http://www.utusan.com.my/utusan/Dalam_Negeri/20130307/dn_45/PM-minta-pegganas-letak-senjata-serah-diri-tanpa-syarat)